

# Etika Penggunaan Sistem Maklumat

Malathi Letchumanan



Ilstilah etika ditakrifkan sebagai set prinsip moral atau prinsip kelakuan yang mengawal individu atau kumpulan. Sejak permulaan tamadun, kajian tentang etika dan kesannya telah menarik perhatian manusia. Tetapi, apakah kaitan etika dengan sistem maklumat?

Pengenalan teknologi baharu boleh memberikan kesan yang mendalam terhadap tingkah laku manusia. Teknologi baharu memberikan keupayaan yang tidak dimiliki sebelum ini, dan seterusnya mewujudkan persekitaran dan situasi yang belum dapat ditangani secara khusus

dari segi etika. Individu yang menguasai teknologi baharu mendapat kuasa baharu, manakala individu yang tidak menguasainya mungkin kehilangan kuasa atau akan menyalahgunakan kuasa tersebut.

Sebagai contohnya, pada tahun 1913, Henry Ford menggunakan teknologi baharu dalam pemasangan komponen kereta. Pengenalan teknologi baharu ini dianggap sebagai langkah yang maju pada masa tersebut, tetapi langkah ini telah mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan daya kreativiti mereka. Oleh sebab itu, penggunaan teknologi digital pada hari ini

telah mencipta kategori baharu, iaitu dilema etika yang tidak pernah dirasai oleh mana-mana individu sebelum ini.

Perkembangan teknologi Internet dan kemajuan teknologi komunikasi, rangkaian, pengumpulan data serta teknologi storan data telah mendedahkan sistem teknologi maklumat kepada pelbagai isu etika. Perkembangan pesat ini telah membuka ruang kepada ancaman serangan siber yang terlalu kerap yang menyebabkan kerugian sehingga berjuta-juta ringgit. Serangan dalaman yang berlaku dalam sesuatu organisasi dan penyalahgunaan maklumat

## **Rahsia perdagangan merupakan hak harta intelek terhadap maklumat sulit aplikasi komputer yang berpotensi untuk dijual atau dilesenkan. Individu yang ingin memohon rahsia perdagangan perlu memastikan aplikasi komputer tersebut mempunyai nilai komersial kerana perkara ini adalah sulit.**

hak milik suatu individu turut menyumbang kepada isu etika dan pelanggaran hak privasi individu yang serius.

Data peribadi yang dikumpul ini digunakan untuk membuat pemprofilan dan analisis yang lazimnya dilakukan tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada individu yang terlibat. Tambahan pula, pengkomputeran mudah alih dengan keupayaan mengetahui lokasi memburukkan lagi kebimbangan pelanggaran privasi seseorang. Dapat disimpulkan bahawa perkembangan teknologi Internet menyebabkan pelbagai isu etika yang perlu ditangani dengan segera.

Antara isu etika sistem maklumat yang sering mendapat perhatian ialah pelanggaran hak privasi, hak akses, tindakan yang memudaratkan, paten, hak cipta, rahsia perdagangan, liabiliti, dan cetak rompak. Hak privasi merupakan satu daripada elemen penting dalam isu etika yang melibatkan Internet.

Teknologi maklumat memudahkan pengguna siber untuk menghubungi pengguna siber yang lain melalui pelayan Internet. Disebabkan oleh rangkaian yang luas, data pengguna Internet lazimnya akan diedarkan dalam skala yang besar. Hal ini menyebabkan data pengguna Internet mudah dicerobohi oleh penggodam.

Akibatnya, hak privasi seseorang itu terjejas dan memberikan kesan kepada integriti data tersebut. Para penggodam lazimnya akan menyalahgunakan data individu tersebut untuk kepentingan peribadi mereka dan mendapat keuntungan. Situasi ini memberikan kesan yang mendalam kepada para pengguna Internet dari segi emosi, psikologi dan kewangan.

Isu etika kedua yang sering mendapat perhatian pengguna siber ialah hak

akses. Hak akses merupakan kebenaran yang diberikan kepada pengguna siber mahupun aplikasi komputer yang lain untuk mencapai, menulis, memadam atau mengubah suai data dalam sesuatu sistem komputer. Pengekalan hak akses ini memberikan cabaran kepada organisasi dan individu yang terlibat dengan urusan kewangan dalam aktiviti harian mereka seperti perbancian Internet dan e-dagang.

Organisasi yang terlibat dengan urusan e-dagang dan sistem pembayaran elektronik menghadapi masalah dalam menentukan hak akses individu yang boleh mencapai sistem mereka secara selamat. Walaupun sistem pengenalan pencerobohan digunakan dalam menentukan hak akses seseorang, namun begitu peluang untuk penceroboh menceroohi sistem komputer masih tinggi.

Isu etika Internet yang seterusnya ialah tindakan yang memudaratkan atau tindakan berbahaya. Tindakan berbahaya ini merujuk kerosakan atau tindakan yang menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur teknologi maklumat. Tindakan berbahaya ini juga boleh menyebabkan kehilangan maklumat penting, kehilangan harta benda, kehilangan pemilikan, kemusnahan harta benda, dan kesan lain yang tidak diingini. Pada dasarnya, tindakan berbahaya ini akan menyekat mana-mana individu daripada mengakses sistem komputer secara sah, dan seterusnya membawa kerugian kepada individu ataupun organisasi yang menjadi mangsa tindakan berbahaya ini.

Rahsia perdagangan merupakan hak harta intelek terhadap maklumat sulit aplikasi komputer yang berpotensi untuk dijual atau dilesenkan. Individu yang ingin memohon rahsia perdagangan perlu memastikan aplikasi komputer tersebut mempunyai nilai komersial kerana perkara

ini adalah sulit. Maklumat berkenaan aplikasi komputer tersebut hanya diketahui oleh sekumpulan individu dan tertakluk kepada langkah yang diambil oleh pemegang saham sah untuk melindungi hak kerahsiaannya. Undang-undang rahsia perdagangan bertujuan melindungi idea yang menjurus kepada pembangunan aplikasi komputer.

Pelanggaran etika dalam rahsia perdagangan berlaku apabila seseorang itu mendedahkan maklumat berkaitan dengan penghasilan aplikasi tersebut kepada individu yang bukan daripada kumpulan pembangunan aplikasi komputer berkenaan. Rahsia perdagangan yang telah didedahkan mengakibatkan kerugian yang besar kepada individu atau kumpulan individu yang membangunkan aplikasi tersebut.

Selain itu, isu etika yang lain ialah cetak rompak. Cetak rompak merupakan aktiviti penyalinan perisian secara tidak sah. Lazimnya, pencipta sesuatu perisian boleh menentukan sama ada seseorang itu boleh mencetak rompak atau membuat salinan sandaran perisian mereka. Undang-undang untuk menjaga hak penyalinan perisian telah digubal bagi mengelakkan aktiviti cetak rompak dan memberikan hukuman kepada individu yang terlibat dalam aktiviti cetak rompak ini.

Pada kebiasaannya, perisian yang telah dicetak rompak boleh membahayakan sistem pengendalian sesuatu komputer kerana mengandungi virus komputer. Malah, perisian yang telah dicetak rompak juga tidak disertai dengan panduan pengguna yang akan memandu pengguna untuk menggunakan perisian tersebut dengan betul. Oleh itu, aktiviti cetak rompak bukan sahaja menimbulkan isu etika, malah boleh membawa kerosakan kepada sistem komputer.

Sebagai kesimpulannya, perubahan pesat dalam teknologi maklumat sejak beberapa dekad yang lalu telah membawa kepada pelbagai keupayaan dan kuasa baharu kepada kerajaan, organisasi dan individu. Keupayaan baharu ini memerlukan analisis yang teliti dan penciptaan norma, peraturan dan undang-undang baharu yang boleh menjamin etika pengguna sistem maklumat. ®